# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
# CAWANGAN KELANTAN

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PUAN HAJAH FARIDAH BINTI MAT SAMAN
TOKOH QARIAH PERINGKAT ANTARABANGSA

OLEH:

SITI NADZIRAH BINTI JAFAR 2011719149
SITI HAJAR BINTI HASSAN 2011111463

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

# TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
# PUAN HAJAH FARIDAH BINTI MAT SAMAN
# TOKOH QARIAH PERINGKAT ANTARABANGSA

OLEH:

SITI NADZIRAH BINTI JAFAR 2011719149
SITI HAJAR BINTI HASSAN 2011111463

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

# PENGHARGAAN

بسم الله الرحمن الرحيم

Alhamdulillah segala pujian hanya bagi ALLAH SWT yang telah mengurniakan pelbagai nikmat dan rahmat kepada hambaNya serta selawat dan salam ke atas junjungan kita, Nabi Muhammad SAW. Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan rahmatNya dapat juga kami menjalankan dan menyiapkan rakaman perbualan dan menghasilkan sebuah transkrip bagi Projek Sejarah Lisan ini. Walaupun pada awalnya terdapat beberapa masalah yang telah kami tempuhi. Namun dengan berkat kesabaran dan pertolonganNya, kami telah dapat mengatasi masalah tersebut.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami bagi subjek IMR 604 Oral Documentation ( Pendokumentasian Lisan ), Puan Nor Kamariah Binti Chik. Beliau telah banyak membantu kami dan mencurahkan segala ilmu yang dimiliki kepada kami serta memberi panduan dan tunjuk ajar dalam menyiapkan dan menghasilkan transkrip ini. Jutaan terima kasih juga di tujukan kepada Puan Hajah Faridah Binti Mat Saman di atas kesudian beliau meluangkan masa untuk diwawancara dan berkongsi serba sedikit cerita dan pengalaman beliau.

Di samping itu, kami juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada ibu bapa kami yang turut membantu dan memberi sokongan moral dalam penyediaan transkrip ini. Akhir kata, tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang telah banyak memberi pertolongan dari segi masa, tenaga, peralatan dan sebagainya. Segala pertolongan, sumbangan dan kerjasama daripada anda semua kami dahulukan dengan ribuan terima kasih.

Sekian terima kasih.

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN


| TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|
| Penghargaan.......... | i |
| Isi Kandungan.......... | ii |
| Abstrak.......... | iii |
| Biodata Tokoh.......... | iv |
| Pengenalan.......... | v |
| Transkrip | |
| Bahagian A: Latar Belakang Tokoh.......... | 01 |
| Bahagian B: Kerjaya.......... | 15 |
| Bahagian C: Sumbangan, Pencapaian atau Anugerah.......... | 25 |
| Bahagian D: Harapan dan Pendapat.......... | 37 |
| Rujukan.......... | 59 |
| Lampiran | |
| Log Wawancara.......... | 60 |
| Senarai soalan.......... | 68 |
| Surat Perjanjian.......... | 76 |
| Gambar.......... | 77 |
| Indeks.......... | 78 |

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Puan Hajah Faridah Binti Mat Saman. Transkrip temubual ini di jalankan di ruang tamu rumah Puan Hajah Faridah Binti Mat Saman sendiri di Jalan Merican, 15150 Kota Bharu, Kelantan pada 3 Mei 2014 bermula jam 10.00 pagi. Beliau merupakan seorang tokoh qariah yang telah mencatat sejarah sebagai qariah yang paling banyak menjuarai pertandingan Tilawah Al-Quran peringkat antarabangsa iaitu sebanyak lapan kali pada tahun 1964, 1965, 1972, 1976, 1977, 1989, 1990 dan 1991. Temubual ini telah menyingkap latar belakang serta pengalaman beliau sepanjang bergelar qariah dan menyertai pertandingan Tilawah Al-Quran peringkat antarabangsa. Selain itu, transkrip ini turut memperkatakan mengenai pendapat dan harapan beliau dalam menggalakkan lebih ramai penglibatan golongan belia dalam memartabatkan Al-Quran.*

***Kata kunci:*** *Puan Hajah Faridah Binti Mat Saman, qariah, pertandingan Tilawah Al-Quran peringkat antarabangsa, Al-Quran.*

# BIODATA TOKOH



| | | | |
|---|---|---|---|
| 1 | Nama penuh | : | Puan Hajah Faridah Binti Mat Saman |
| 2 | Alamat surat – menyurat | : | |
| 3 | Tarikh Lahir | : | |
| 4 | Pendidikan (Rendah, Menengah) | : | Sekolah Rendah Kebangsaan Pasir Mas<br>Pondok di Thailand |
| 5 | Keluarga ( Adik - beradik dan Anak ) | : | Adik - beradik - 6 orang<br>Anak - 10 orang |
| 6 | Hobi | : | Berniaga, Mengaji Al-Quran, Bersiar-siar |
| 7 | Kerjaya | : | Qariah |
| 8 | Sumbangan | : | • Menjadi tenaga pengajar bagi pelajar yang ingin memperbetulkan bacaan Al - Quran.<br>• Menjadi jurulatih qari dan qariah. |
| 9 | Pencapaian | : | • Qariah yang paling banyak menjuarai Tilawah Al-Quran peringkat Antarabangsa.<br>• Mendapat jemputan dari Mufti Palestin untuk memperdengarkan bacaan ayat - ayat suci Al - Quran.<br>• Dianugerahkan Bintang dari Sultan Kelantan. |

# PENGENALAN

Tokoh yang kami pilih ialah Puan Hajah Faridah Binti Mat Saman. Beliau merupakan anak kelahiran Temerloh Pahang dan dilahirkan pada . Bapa beliau bernama Haji merupakan seorang imam di kampung. Manakala ibunya bernama Hajah berasal dari Kampung Kubang Terap Pasir Mas Kelantan merupakan seorang qariah istana serta pernah menjadi johan tilawah Al Quran peringkat negeri Kelantan. Ibunya telah meninggal dunia pada 2003 ketika berusia 95 tahun. Datuknya bernama Abd Rahman Bin Che Man dan neneknya Zainab Binti Osman yang terkenal sebagai guru Al Quran di kampungnya semenjak dari muda hingga ke akhir hayat.

Sejarah awal pendidikan beliau ialah di Sekolah Rendah Kebangsaan Pasir Mas yang kini dikenali sebagai SK Sultan Ibrahim 1. Beliau mendapat pendidikan Al Quran bermula dari kecil lagi dan telah khatam Al Quran seawal usia lima tahun lagi menerusi bimbingan kedua ibu bapanya.Semasa usia 13 tahun beliau telah menyambung pengajiannya di sebuah pondok di Munduk, Thailand selama tiga tahun berguru kepada Ustaz Ghazali Mandaling yang berasal dari Indonisia berketurunan Mekah. Selepas itu beliau berguru dengan Hj Ahmad Ma'sum Pergau yang pernah menjadi johan qari sekitar tahun 1960. Gurunya yang terakhir ialah Haji Nik Jaafar Bin Nik Ismail dan Haji Hassan Musa dari Pasir Mas.

Sumbangan beliau sepanjang menceburi bidang Al Quran, beliau pernah menerima jemputan memperdengarkan bacaan Al Quran dari Mufti Palestin tahun 1965 dan telah mengharumkan nama negara pada peringkat antarabangsa. Beliau menyumbangkan tenaga dengan mengajar anak murid yang berusia 30 hingga 50 tahun yang mahu membetulkan bacaan Al Quran terutamanya sebutan dan tajwid. Disamping itu, beliau menubuhkan kumpulan nasyid yang bernama "Usratul Faridah" yang terkenal di Malaysia, Thailand dan Singapura. Beliau telah mencatat sejarah sebagai qariah yang paling banyak menjuarai tilawah peringkat antarabangsa sebanyak lapan kali iaitu pada tahun 1964, 1965, 1972, 1976, 1977, 1989, 1990 dan 1991

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisarkan tentang temuramah yang di jalankan oleh kami iaitu Siti Hajar Binti Hassan dan Siti Nadzirah Binti Jafar bersama tokoh pilihan kami iaitu Puan Hajah Faridah Binti Mat Saman. Beliau merupakan seorang tokoh qariah yang telah berjaya mengharumkan nama negara dengan menjadi johan Pertandingan Tilawah Al-Quran peringkat Antarabangsa sebanyak lapan kali. Temuramah ini bertempat di kediaman beliau di Kota Bharu, Kelantan pada 3 Mei 2014. Berikut adalah hasil rakaman kami.

Petunjuk:

PHF : Puan Hajah Faridah
SH : Siti Hajar
SN : Siti Nadzirah

**BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG**

SH : Assalamualaikum terima kasih kami ucapkan kepada Puan kerana sudi meluangkan masa untuk bersama kami. Saya Siti Hajar Binti Hassan dan kawan saya Siti Nadzirah Binti Jafar adalah pelajar UiTM Machang daripada kursus Pengurusan Sistem Maklumat. Kami ingin menemual bual Puan mengenai beberapa aspek yang terdiri daripada bahagian latar belakang Puan, dari aspek kerjaya Puan, sumbangan, pencapaian atau anugerah dan bahagian yang terakhir iaitu bahagian harapan dan juga pendapat Puan. Baiklah di sini saya ingin memulakan dengan bahagian yang pertama iaitu bahagian latar belakang Puan. **Baiklah, apakah nama penuh Puan?**

PHF : Nama Faridah *lah* [tabiat percakapan] *ye* [mengiyakan]. Faridah Binti Haji Mat Saman, jadi gelaran dia Hajah Faridah *lah* [tabiat percakapan] (ketawa) sebab *dah gi* [sudah pergi] haji orang panggil hajah *dak* [kan]. *Mula tu* [mulai

itu] Hajah Faridah *lah* [tabiat percakapan].

SH : **Bilakah Puan di lahirkan?**

PHF : Lahir *tahun* [pada] dua puluh sembilan [29] haribulan sepuluh [10] tahun sembilan belas empat puluh lapan [1948].

SH : **Di manakah tempat Puan di lahirkan?**

PHF : Sebenarnya lahir *tu* [itu] di Pahang *dih* [kan] *tapi* [tetapi] orang Kelantan sebabnya macam *mok* [emak] saya *dulu* [dahulu] dia ikut *ayoh gi* [ayah pergi] sana [Pahang]. Ayah berhijrah ke Pahang [salah sebuah negeri pantai timur yang terdapat di Malaysia] *sebab* [kerana] *tuk* [datuk] pun orang Pahang *yer* [kan]. *Tuk duk buka* [Datuk telah membina] pondok *sano* [di sana iaitu Pahang]. *Haji Abdul Rahman* [Datuk] *tu* [itu] dia *buka* [bina] pondok di Lubuk Kawah Pahang, jadi *ayoh* [ayah] pun asal *tok imey* [tok imam] Salor *nuh* [tu] *bilo tu* [kemudian telah] berhijrah ke sana [Pahang] *jugak* [juga] *sebab* [kerana] *ayoh duk* [ayah tinggal] sana *kan* [mengiyakan], jadi saya lahir di sana [Pahang] *lah* [tabiat percakapan] *tapi besar* [tetapi membesar] di Kelantan *sebab tok lamo tu mok* [kerana tidak berapa lama kemudian emak] saya berpisah *lah* dengan *ayoh* [ayah] *tu*, jadi balik *duk* [menetap] di Kelantan *lah* [tabiat percakapan] di Pasir Mas.

SH : **Sejak bila lagi Puan tinggal di Kelantan?**

PHF : (Bunyi ketukan) *Lamo doh kecik lagi lah doh berpisah tu kecik lagi* [Sudah lama iaitu semenjak kecil lagi kerana semasa mereka berpisah saya masih kecil].

SH : **Berapakah umur Puan sekarang?**

PHF : Kalau *kira* [dihitung] enam puluh lima [65] *doh la* [sudah].

SH : **Nama penuh ayah Puan?**

PHF : Mat Saman *lah* [tabiat percakapan].

SH : **Kira orang panggil pun Mat Saman?**

PHF : Orang panggil Haji Mat Saman *lah* [tabiat percakapan].

SH : **Apakah pekerjaan ayah Puan?**

PHF : Dia [ayah] sebenarnya tok imam dan guru di– *dulu* [dahulu] di Kelantan *pastu* [selepas itu] pindah sana [Pahang] pun jadi imam *jugak* [juga] mengajar kitab, mengajar Quran di sana *lah* [tabiat percakapan].

SH : **Sudah lamakah ayah Puan menjadi imam?**

PHF : *Dah* [sudah] lama.

SH : **Apakah nama penuh ibu Puan?**

PHF : Hajah Cik Yam.

SH : **Adakah ibu Puan bekerja?**

PHF : Hajah Cik Yam *ni* [ini] qariah *jugak* [juga], qariah terkenal *lah* [tabiat percakapan] *dulu* [dahulu] dia *tu dih* [kan]. *Masa taun* [semasa tahun] enam puluh [60] *tu* dia *masuk jugak* [juga masuk] *musabaqah* [pertandingan Tilawah Al-Quran] jadi sempat lagi *lah* [tabiat percakapan] dia *tu* masuk musabaqahnya. Selepas *tu tok* [itu tidak] masuk lagi sebab *dah saya pulak* [saya pula sudah] ganti *kan* [mengiyakan] *taun* [tahun] enam puluh tiga [63] *tu* [itu] saya *start* [mula] masuk dah, *taun* [tahun] enam puluh empat [64] *tu* [itu].

SH : **Di manakah ayah dan ibu Puan tinggal sekarang?**

PHF : Sekarang *dah* [sudah] meninggal semua, *ayoh* [ayah] meninggal di Pahang dan *mok* [emak] meninggal di Pasir Mas *lah* [tabiat percakapan].

SH : **Berapa orangkah bilangan adik-beradik Puan dan Puan anak yang ke berapa?**

PHF : *Kalu* [Kalau] ikut *ibu* [emak], adik beradiknya enam [6] jadi saya anak yang ke lima [5] *lah kironye tuh* [kiranya kan] *kalu* [kalau] ikut *ayoh* [ayah] ada *jugak* [juga] adik beradik satu ayahkan. *Kalu* [kalau] ikut *dengan* [sebelah] ayah yang bongsu.

SH : **Boleh tak Puan beritahu nama adik beradik Puan?**

PHF : Adik beradik saya yang pertama Ismail, *tapi duduk* [tetapi tinggal] di Thailand sebab *dulu* [dahulu] *mok* [emak] saya sebelum berkahwin dengan ayah saya dia berkahwin dengan orang Thailand--- *Itu suami dia dulu* [suami dia dahulu] *duk* [tinggal] di Mekah jadi *mok* [emak] pun *duk* [tinggal] lama di Mekah.

SH : **Menetap di sana?**

PHF : Menetap di sana [Mekah], mengaji di sana, *duk belaja* [juga belajar].

SH : **Berapa tahunkah emak Puan tinggal di Mekah?**

PHF : Tujuh [7] tahun, lama. *Pastu* [selepas itu] *dia kawin* [emak berkahwin] dengan orang Thailand *lah* [tabiat percakapan] *jadi tu yang* [di sebabkan itu] abang *duduk sana tuh* [menetap di sana].

SH : **Sampai sekarang?**

PHF : *Sampai sekarang* [sehingga kini]. Abang Ismail sulung, yang kedua Haji Abdul Rahman dia satu ayah *la tu* [itu] dua *tu*, yang ketiga Haji Mat Haji Mansur. Ayah dia nama Mansur *pastu* [selepas itu] yang ke- yang ketiga *sakni dak* [tadikan] yang keempat abang ada lagi *satu* [seorang], dia satu ayah satu ibu dengan saya *lah* [tabiat percakapan] Ibrahim.

SH : **Adakah abang Puan tersebut menetap di Kelantan?**

PHF : Sekarang *ni* [ini] dia *duduk* [tinggal] di Kuala Lumpur.

SH : **Abang Puan menetap di Kuala Lumpur?**

PHF : Ya, yang kelima saya *lah* [tabiat percakapan] *pastu* [selepas itu] yang ke enam ada *adik seorang lagi* [seorang lagi adik].

SH : **Di manakah adik Puan tinggal?**

PHF : Pasir Mas *lah* [tabiat percakapan] *tempat rumah mok duduk* [di rumah emak tinggal dahulu].

SH : **Apakah pekerjaan adik beradik Puan sekarang?**

PHF : *Kalu kiro* [kalau di fikirkan] *pencen blako doh tu* [semua dah pencen] (ketawa) *hok* [yang] bongsu pun *pencen doh* [sudah pencen] (ketawa).

SH : **Dari aspek pendidikan, di manakah Puan mula mendapat pendidikan awal?**

PHF : Sekolah tu, Sekolah Melayu Pasir Mas *lah* [tabiat percakapan].

SH : **Pada tahun berapa?**

PHF : *Kiro lah kecik* [sejak kecil] lagi *taun* [tahun] lima puluh [50] lebih *la kut dok*

[kan].

SH : **Pada tahun lima puluhan?**

PHF : *Taun* [tahun] lima puluh [50] an *lah* [tabiat percakapan], *lepas tu* [selepas itu] Sekolah Melayu *je* [sahaja] *takdok gapo* [tak ada apa-apa], *lepas tu mok gi anta* [selepas itu emak hantar] di pondok di *nun* [sana] Munduk Thailand. Selepas *pade tu blaja ugama donu blaja* [itu belajar agama di sana, belajar] Quran *sano* [sana] duduk tiga [3] tahun *sano* [sana].

SH : **Pada umur berapakah emak Puan menghantar Puan ke sana?**

PHF : Dalam umur tiga belas [13], dua belas [12] tiga belas [13] *lah* [tabiat percakapan]. Tiga belas [13] tahun.

SH : **Berapa tahun Puan tinggal di sana?**

PHF : Tiga [3] tahun *jer* [sahaja].

SH : **Selepas itu, pada tahun---?**

PHF : *Pastu* [selepas itu] belajar Quran *ni* [ini] dengan *mok* [emak] sendiri *lah* [tabiat percakapan], ayah sendiri *mok* [emak] sendiri *kan* sebab *dorang ni* [mereka ini] semua guru. *Tuk* [datuk] sendri pun guru *jugak* [juga] Haji Abdul Rahman *tu*.

SH : **Memang kebanyakan ahli keluarga Puan, semua---?**

PHF : Ahli keluarga semua ahli *in* [dalam] Quran.

SH : **Pada tahun berapakah Puan mendirikan rumahtangga?**

PHF : Rumahtangga tahun enam puluh lima [65].

SH : **Nama penuh suami Puan?**

PHF : Hijal, dia orang negeri Sembilan.

SH : **Berapakah umur suami Puan?**

PHF : Sekarang ni--- *pasal* [sebab] kahwin *dulu* [dahulu] dia *dah* [sudah] *umur banyak kan* [berusia], *saya umur tujuh belas* [17] *baru* [saya baru berumur tujuh belas] *tapi* [tetapi] dia *dah* [sudah] umur empat puluh dua [42] jadi *banyak la sekarang ni umur dia dah* [sekarang ini dia sudah makin berusia].

SH : **Apakah pekerjaan suami Puan?**

PHF : Dia pegawai askar *dulu* [dahulu].

SH : **Sekarang masih---?**

PHF : *Pencen dah* [sudah pencen].

SH : **Boleh tak ceritakan kepada kami bagaimanakah Puan boleh berkenalan dengan suami Puan?**

PHF : *Tak ada* [tidak] berkenalan pun *sebab* [kerana] ada jemputan di negeri Sembilan *kan, biasa* [selalunya] sana *tu* [itu] bulan maulud [Maulidur Rasul] *gak* [jadi] buat maulud *kan* [mengiyakan] di dalam kem *tu* [itu] jadi dia jemput la saya mengaji. *Jadi tu lah bokali* [Barangkali itulah] jodoh *la* orang panggil *dak* [kan] jadi tuan guru [guru agama], di askar *tu* [itu] ada tuan guru *kan*, tuan guru mak guru [guru agama] *diaorang* [mereka] *tu* [itu] *lah jadi syor* [perkenalkan] kepada suami saya tu *kalih* [mungkin] jadi bila dah jodoh *tu* jadi *lah kan.*

SH : **Kalau tak keberatan, boleh saya tahu berapa orangkah anak Puan?**

PHF : Anak sembilan [9], (ketawa) sepuluh [10] *tapi tak dok sore* [tetapi seorang meninggal dunia], meninggal masa lahir.

SH : **Boleh tahu tak berapa orang lelaki berapa orang perempuan?**

PHF : Lelaki enam [6], perempuan tiga [3].

SH : **Boleh tak Puan beritahu nama mereka?**

PHF : Pertama Ghazali, sekarang *ni duduk* [ini sedang] bertugas di Putrajaya.

SH : **Dia kerja apa kat Putrajaya tu?**

PHF : Bahagian *ni* [ini] orang pencen pencen *ni* [ini], orang bersara *gapo* [semua] dia *lah* [tabiat percakapan] bagi tu, *gapo tak tahu* [entah] *lah* (ketawa)

SH : **Seterusnya?**

PHF : Yang ke dua *tu* [itu] Hasyim, Hasyim *ni* [ini] dia pensyarah *lah* [tabiat percakapan] di Universiti Serdang [Universiti Putra Malaysia]

SH : **Dia pensyarah subjek apa?**

PHF : Sains *pastu* [selepas itu] yang kedua Rozana, eh yang ketiga Rozana. Dia guru Sekolah Menengah Dato' Ahmad Maher, Dato' Ahmad Maher *ni* [ini] Kota Bharu *ni.*

SH : **Mengajar subjek apa?**

PHF : Dia guru bahasa Inggeris *pastu* [selepas itu] yang keempat *dak* [kan] yang keempat tu Norlida, Norlida *ni* dia *business* [berniaga] sendiri *lah* [tabiat percakapan] *tu* [itu] syarikat Tola Travel, sekarang *ni* [ini] dia *lah* [tabiat percakapan] yang jaga, *duk* [tinggal] Kuala Lumpur *jugak* [juga]. *Pastu* [selepas itu] yang kelima Hanif, (kicauan burung) Hanif *ni* dia Ustaz sebab dia *lepas* [lepasan] Universiti Islam [Universiti Islam Antarabangsa] *kan* [mengiyakan] dia *duduk* [sekarang] tengah jadi ni--- Sekolah Menengah di

Kota Bharu *tak* [tidak] ingat sekolah apa (ketawa) Putera [Sekolah Menengah Kebangsaan Putera] *ko rasanya* [mungkin], yang keenam Ahmad Badri *ni* [ini] kerja sendiri *blako la ni* [semua],Azhar, *pastu* [selepas itu] yang ke tujuh, (ketawa) yang kelapan (ketawa) misi *staffnurse* [jururawat].

SH : **Mereka kerja di mana sekarang?**

PHF : Di Kuala Lumpur *jugak* [juga].

SH : **Kebanyakan di antara mereka bekerja di Kuala Lumpur?**

PHF : *Takleh balik lagi la* [tidak dapat balik lagi] baru *kan* [mengiyakan] *pastu* [selepas itu] yang ke sembilan *tu* [itu] Abdullah Bukhari *dia tak leh keje* [tak dapat kerja] lagi, *habis dah ngaji* [sudah tamat belajar].

SH : **Baru habis belajar? Sebelum ini belajar di mana?**

PHF : Belajar Universiti Kubang Kerian apa, USM [Universiti Sains Malaysia]

SH : **Kiranya antara anak Puan dah ada ke yang telah mendirikan rumahtangga?**

PHF : Ya, cucu pun *banyak dah* [sudah ramai].

SH : **Berapa orang cucu Puan ada sekarang?**

PHF : Sekarang *ni rasa* [kalau tidak silap] enam belas [16] *dah* [sudah].

SH : **Boleh tak Puan beritahu lingkungan umur mereka?**

PHF : Yang sulung *la dak* [kan], yang sulung *tu* [itu] kiranya lapan belas [18] *dah kut* [mungkin].

SH : **Yang kecil sekali umur berapa?**

PHF : Yang *kecik* [kecil] sekali *setaun* [setahun] lebih.

SH : **Selalunya pada waktu lapang apa yang Puan suka buat? Hobi Puan pada waktu lapang?**

PHF : Macam *kita ni* [saya ini] mengajar *kan* [mengiyakan] tengok macam *ni* [ini] pun sibuk *jugak* [juga] sebab *kita* [saya] mengajar di rumah *ni* [ini] empat [4] kali seminggu.

SH : **Tiap hari apa?**

PHF : Hari Ahad pagi petang, hari Isnin pagi, *pastu* [selepas itu] hari Selasa petang, hari Rabu pagi *pastu* [selepas itu] hari Jumaat *tu* [itu] mengajar di masjid.

SH : **Di masjid mana?**

PHF : Masjid Langgar *pastu* [selepas itu] hari Sabtu *tu* [itu] biasa *gi* [pergi] luar. *Kalu* [kalau] hari *ni* [ini] biasa *gi* [pergi] luar *lah* [tabiat percakapan] Kuala Lumpur ke, negeri Sembilan ke, *pi* [pergi] *Singapore* [Singapura] ke, *diaorang* [mereka] *ni* [ini] hari Ahad Sabtu *gi* [pergi] mengajar *pastu di nun* [selepas itu di] Machang *tu* [itu] satu di Chengal, jadi kita *ngajar* [mengajar] *gak* [juga] *situ* [sana]. Hari Sabtu *jugak* [juga] *tapi gilir-gilir* [tetapi bergilir gilir] *la*, hari Sabtu *ni* [ini] penuh dengan *hok luar* [kerja luar] *lah* [tabiat percakapan].

SH : **Siapakah idola atau model contoh dalam hidup Puan?**

PHF : Saya suka kepada orang yang pandai baca Quran *lah* [tabiat percakapan] kan (ketawa).

SH : **Macam ibu bapa?**

PHF : Ibu bapa dan qari qari yang tersohor di Mesir *tu* [itu], lagu lagu dia *tu* [itu] *kita* [saya] suka *lah* [tabiat percakapan]

SH : **Siapakah qari atau qariah yang Puan selalu dengar?**

PHF : Mustafa Ismail dan banyak lagi *lah* [tabiat percakapan] qari qari yang sedap di sana *tu* [itu].

SH : **Adakah mereka seperti sumber inspirasi Puan?**

PHF : Macam Umi Kalthum *tu* [itu], lagu lagu Umi Kalthum di Mesir *tu* [itu] kita boleh *jugak* [juga] *ambik* [ambil] lagu lagu dia *kan* [mengiyakan], walaupun dia *nyanyi* [menyanyi] *tapi* [tetapi] lagu dia *tak* [tidak] sama dengan penyanyi lain. Dia menyanyi kebanyakan lagu dia *tu* [itu] lagu seruan dakwah *lah* [tabiat percakapan] Umi Kalthum *ni* [ini].

**TAMAT BAHAGIAN A**

**BAHAGIAN B: KERJAYA**

SH : **Sejak tahun bilakah Puan mula menyertai pertandingan Tilawah Al-Quran?**

PHF : Mula mula sekali tahun enam puluh tiga [63], enam puluh tiga [63] *tu* [itu] *kalu* [kalau] kira umur empat belas [14] *la kut tak* [mungkin] tahu *la* (ketawa). *Masa* [semasa] *tu* [itu] *dapat naib johan baru* [baru dapat naib johan] dan sebenarnya tahun enam puluh empat [64] *tu* [itu] baru saya dapat johan. Enam puluh empat [64], enam puluh lima [65] dapat johan semua *la tu* [itu] sampai akhir sekali tahun sembilan puluh satu [91]. Lapan [8] kali *lah* [tabiat percakapan] kiranya johan *tu* [itu].

SH : **Faktor utama Puan memilih untuk menyertai pertandingan Tilawah Al-Quran ini? Sebab dorongan daripada ibu bapa ke?**

PHF : Ibu bapa dan juga *dulu dulu* [mulanya] ibu bapa *kan* [mengiyakan] selepas *dah kita* [saya sudah] *banyak dah* [banyak kali masuk] macam saya masuk *tu* [itu] saya *berhenti pun lama lama bukan kata tiap tiap tahun masuk* [lama berhenti, tidak masuk setiap tahun]. *Masa* [semasa] dua [2] tahun saya berhenti *pastu* [selepas itu] masuk *plak* [pula], dua [2] tiga [3] tahun masuk lagi hingga akhir sekali sebelas [11] tahun *dah* [sudah] saya *tak* [tidak] masuk *pastu* [selepas itu] dorongan anak anak murid *pulak* [pula] suruh, lama *dah tak* [tidak] tengokkan *tu* [itu] yang akhir saya masuk *tu* tahun lapan puluh sembilan [89], sembilan puluh [90], sembilan puluh satu [91], berturut turut tiga [3] kali *tu* [itu] saya pun berhenti *lah* [tabiat percakapan], *tu* [itu] semua

berjaya *belako* [semua].

SH : **Apakah kriteria atau syarat syarat yang perlu ada untuk seseorang qari atau qariah memasuki pertandingan Tilawah Al Quran?**

PHF : Kiranya *kena* [mesti] ada ilmu *lah* [tabiat percakapan] *tak* [tidak] boleh kita berasa ada sikit sikit [ilmu]. Quran pun *tak* [tidak] betul lagi, baca Quran pun mikhra'[nada atau sebutan dalam mengalunkan taranum] *tak* [tidak] betul lagi, sebutan pun *tak* [tidak] bunyi lahjah Arab lagi tak jadi, kalau kita nak musabaqah *ni* [ini] semua nak, sebutan ni nak lahjah Arab dan mikhra' tajwid semua nak betul dan Al Quran tu kena lancar, jadi kita hidup dengan Al Quran *je la* [sahaja] kalau kita nak berjaya *ni* [ini] macam Quran *ni* [ini] kalau kita dengar pun kita boleh *tau* [tahu] orang *ni* salah jadi maknanya kita separuh hafal Al Quran dah barulah kita akan yakin *lah* [tabiat percakapan] *bukan kata* [tidak sekadar] main main. *Pah* [kemudian] lagu *plak* [pula] lagu pun kita kena belajar macam mana keluar suara, macam mana nak keluar suara qara', suara nawaz, suara hidung [jenis nada atau suara dalam mengalunkan taranum] semua *tu* [itu] kita kena tahu macam mana nak keluar suara *ya pastu* [selepas itu] nak tukar dalam satu harakat *ni* [ini]. Suara *tu* [itu] kena tukar tukar dalam satu nada *tu* [itu], *tak* [tidak] boleh nak *straight* [terus] *saja* [sahaja], *tak* [tidak] boleh. *Pahtu* [selepas itu] lagu *plak* [pula] macam mana lagu *tu* [itu] sesuai dengan ayat *tu* [itu], kita nak buat lagu *tu* [itu] macam mana nak bagi sesuai dengan ayat *tu* [itu] semua nak kena belajar *lah*

[tabiat percakapan].

SH : **Dalam bidang ini siapakah guru atau sumber rujukan utama Puan?**

PHF : Pertamanya *mok* [emak] sendiri *lah* [tabiat percakapan] kan jadi selepas *mok tu* [itu] banyak lagi guru macam guru yang *lagu betul betul tu* [sebenar] Haji Ahmad Maa'som Pergau. *Dia sebab* [Di sebabkan] dia belajar dengan Mustafa Ismail dari Mesir jadi *tu* [itu] *sebab* [punca] sekarang *ni* [ini] semua di Kelantan *ni* [ini] *bawa lagu* [menyanyikan lagu] kebanyakannya Mustafa Ismail *lah* [tabiat percakapan] dan campur *lah* lagu syeikh syeikh yang lain. *Tapi* [tetapi] daripada sudut pangkalnya Mustafa Ismail semua, *sebab* [kerana] Haji Ahmad di Pergau *ni* [ini] guru dia Mustafa Ismail *tu* [itu], jadi kita bermula dari situ *kan* [mengiyakan] *tu* [itu] kita minat dia *tu pastu* [selepas itu] banyak lagi *lah* [tabiat percakapan] guru selepas dia *tu* [itu] macam Nik Jafar semua *lah* [tabiat percakapan].

SH : **Boleh tak Puan beritahu nama atau berapakah bilangan guru yang pernah Puan pelajari sebelum ini?**

PHF : Ya *lah* [tabiat percakapan] macam Haji Ahmad Som [Ahmad Maa'som] Pergau, Nik Jafar, Hassan Musa, bahagian lagu *kan* [mengiyakan], bahagian Quran *ni* [ini] lain *pulak* [pula].

SH : **Dia ada banyak jenis ya lagu?**

PHF : Quran *ni* [ini] banyak lagi guru.

SH : **Contoh guru dari Mesir pun Puan pernah belajar?**

PHF : Ada saya pergi Mesir saya pergi belajar, baca depan *diaorang* ni [mereka]

SH : **Tahun bila tu Puan pergi ke Mesir?**

PHF : Masa muda muda hari tu *lah* [tabiat percakapan] (ketawa).

SH : **Macam manakah perasaan Puan ketika Puan mula mula memasuki pertandingan Tilawah Al-Quran dan mula mula bergelar juara dalam pertandingan tersebut?**

PHF : Ya *lah* [tabiat percakapan] masa *tu* [itu] kira umur saya baru lima belas [15] *kan* [mengiyakan] *tak* [tidak] tahu apa apa lagi *tapi* [tetapi] suka *lah kan* [tabiat percakapan]. Alhamdulillah *lah* [tabiat percakapan] *kalau kiranya* [sekiranya] *jadi berjaya* [berjaya] *tu* [itu] suka. Alhamdulillah sebab berjaya *kan* [mengiyakan].

SH : **Petua Puan dalam mengekalkan kejuaraan, boleh kongsikan sedikit tak?**

PHF : Sebenarnya nak mengekalkan kejuaraan *tu* [itu] *payah* [susah] *tapi* [tetapi] bergantung kepada suara *lah* [tabiat percakapan], kebanyakan *diaorang* [mereka] *ni* [ini] yang *tak* [tidak] kekal *tu* [itu] sekali boleh *pastu* [selepas itu]

masuk *dah* [sudah] *tak* [tidak] boleh *plak* [pula] *dak* [kan] dan seterusnya *tak* [tidak] boleh dah, ada juga *sebab* [kerana] *masa* [semasa] dia johan *tu* [itu] dia kebetulan sahaja. Kebetulan dia menjadi hari *tu* [itu], sebenarnya dia *tak* [tidak] berapa pandai sangat *kan* [mengiyakan] hari *tu* [itu] dia menjadi baca, lagu *ni* [ini] macam *tu* [itu] ada masa masanya *tak jadi* [tidak menjadi] ada masa masanya bila kita *letak* [baca] "Audzubillah" [bahasa Arab yang bermaksud aku berlindung] *tu* [itu] *dah* [sudah] cantik thobakah [tingkatan] suara, cantiklah bacaan seterusnya jadi dia *ni* [ini] macam *tu* [itu] *lah* [tabiat percakapan]. Dia *tak* [tidak] ada ilmu *maner* [sangat] *tapi* [tetapi] hari *tu* [itu] dia menjadi [suara bagus], dia boleh johan *pastu* [selepas itu] dia masuk *pulak* [pula] *tu* [itu] *tak* [tidak] *jadi* [menjadi] *dah* [sudah] *kan* [mengiyakan] .Bila orang ada ilmu lain, dia pandai nak bawakan *bila* [apabila] *suara dia berasa sakit* [tidak bagus] dia akan bawakan lagu *ni* [ini] *bila* [apabila] suara dia *tak* [tidak] *sakit* [bagus] dia akan *bawa* [nyanyikan] lagu lain *ni* [ini] kalau orang *tak* [tidak] pandai, suara dia *sakit* [tidak merdu] pun dia *terok* [teruskan] juga. Dia *wat* [buat] *nak* [yang] tinggi jadi suara pecah *kan* [mengiyakan] bila dia *tak* [tidak] tahu kaedah *kan* [mengiyakan]. Kebanyakan *diaorang* [mereka] *ni* [ini] yang *tak* [tidak] kekal *tu* [itu] sekali boleh *pastu* [selepas itu] masuk *dah* [sudah] *tak* [tidak] boleh *plak* [pula] *dak* [kan] dan seterusnya *tak* [tidak] boleh dah, ada juga *sebab* [kerana] *masa* [semasa] dia johan *tu* [itu] dia kebetulan sahaja.

SH : **Boleh Puan kongsikan pengalaman pahit dan manis sepanjang Puan menyertai pertandingan Tilawah Al-Quran?**

PHF : Menyertai tilawah *ni* [ini] mestilah ada *kan* [mengiyakan], ada masanya bila *tak* [tidak] dapat *tu* [itu] pahit *lah* [tabiat percakapan] *kan* [mengiyakan] (ketawa) bila dapat *tu* [itu] manis *lah* [tabiat percakapan]. *Tapi* [tetapi] bagi saya, Quran *ni* [ini] bukan kita masuk untuk juara *je* [sahaja] *kan* [mengiyakan], kadang-kadang ujian atas diri kita, bacaan kita *tu* [itu] betul ke tidak *kan* [mengiyakan] kalau *tak* [tidak] berjaya pun *tak per* [tidak mengapa] *lah kan* [mengiyakan].

SH : **Selain itu Puan juga turut menceburi bidang perniagaan bukan?**

PHF : Saya minat berniaga (ketawa) dari *dulu* [dahulu] memang saya minat berniaga.

SH : **Boleh Puan ceritakan serba sedikit mengenai perniagaan yang Puan ceburi itu?**

PHF : Saya *meniaga* [berniaga] macam-macam *tapi* [tetapi] *ni* satu [1] yang *ni* [ini], pelancongan *ni* [ini] saya_ *lah* [tabiat percakapan] *dulu* [dahulu] jadi saya suka pergi melancong, bawa orang mengerjakan haji dan umrah. *Meniaga* [perniagaan] lain pun saya suka *lah* [tabiat percakapan] (ketawa) sebab saya rasa meniaga *ni* [ini] bagus *kan* [mengiyakan].

SH : **Apakah nama perniagaan Puan itu?**

PHF : Kita [nama perniagaan] Tola Travel and Tours

SH : **Kiranya skop perniagaan itu untuk---?**

PHF : Pelancongan *ni* [ini] luas jadi sekarang *ni* [ini] kita hanya bawa pergi melancong ke mana-mana *nak pergi* [sahaja] *tapi* [tetapi] kebanyakannya umrah *lah* [tabiat percakapan].

SH : **Di manakah lokasi perniagaan Puan itu?**

PHF : *Tu* [itu] sebelah rumah *je* [sahaja] pejabat *tapi* [tetapi] ada di Kuala Lumpur satu [1]. *Kata anak duk jaga tu* [yang dijaga oleh anak saya].

SH : **Sudah berapa lamakah perniagaan ini beroperasi?**

PHF : *Lama dah* [sudah lama], *dah* [sudah] berpuluh tahun lebih. Tahun sembilan puluh tiga [93] (kicauan burung)

SH : **Boleh kongsikan tak apakah cabaran utama sepanjang Puan bergelar ahli perniagaan?**

PHF : Berniaga *ni* [ini] sebenarnya kena cekal *lah yer* [tabiat percakapan], banyak cabaran *meniaga ni* [berniaga ini] ada turun naik, ada masa susah ada masa senang *lah* [tabiat percakapan] (kicauan burung). Kalau orang yang *tak* [tidak] tahan *ni* [ini] *tak* [tidak] boleh berniaga *tambah-tambah* [lebih lebih lagi]

pelancongan *ni* [ini], kalau kita buat umrah *ni* [ini] banyak masalah.

SH : **Apakah antara risiko atau masalahnya?**

PHF : Risiko dengan orang ramai, kita kena pandai dengan orang *ni* [ini]. Kita pula berhubung dengan Arab Saudi, Arab Saudi *ni* [ini] *undang-undang dia* [undang-undangnya] *tak* [tidak] kekal *serupa* [seperti] Malaysia. Dalam setahun banyak berubah, dua [2] tiga [3] empat [4] kali berubah jadi kita *ni* [ini] dengan jemaah kena pandai *lah* [tabiat percakapan]. Kadang-kadang dengan visa *ni tak* [tidak] keluar. Jadi susah *lah* [tabiat percakapan] kita, tiket *dah* [sudah] ambil. Syarat pula susah sekarang *ni* [ini], orang muda-muda [muda] *tak dok* [tidak ada] mahram *tak* [tidak] boleh pergi.

SH : **Selain itu, saya juga dapat tahu bahawa Puan juga turut mempunyai bakat dalam bidang nasyid, berzanji dan marhaban dan telah menubuhkan kumpulan Usratul Faridah?**

PHF : Kita ada kumpulan Usratul Faridah *dah* [sudah] lama *dah* [sudah] bergeraknya *dah* [sudah] merata-rata [tempat] *dah* [sudah] pergi, *dah* [sudah] buat *recording* [rakaman] semua *lah* [tabiat percakapan] jadi *kita banyak dah* [kami sudah banyak menerima] jemputan di luar Kelantan, di Kuala Lumpur, Pulau Pinang. Kumpulan kita *ni* [ini], kita *ada perempuan belako* [semua perempuan] *malu* [palu], main gong *tapi* [tetapi] *tak dok* [tidak ada] muzik *tu lah* [tabiat percakapan], kita cuma *paka* [guna] gendang (ketawa).

SH : **Kiranya puan pernah menerima jemputan nasyid, berzanji dari Kelantan dan juga luar Kelantan dan untuk majlis apa kebiasaannya?**

PHF : Majlis *tu* [itu] macam-macam ada, majlis kahwin, bercukur jambul, (kicauan burung) *berendo* [berendoi] *pahtu* [selepas itu] *maulid* [Maulidur Rasul] semua *lah* [tabiat percakapan]. Hari *ni* [ini] majlis cukur jambul dan *naik rumah baru* [merasmikan rumah baharu]. Jadi kita buat lagu *tu* [itu] sesuai dengan majlis *tu lah* [tabiat percakapan].

SH : **Saya juga dapat tahu Puan mempunyai bakat dalam bermain alat muzik?**

PHF : Boleh *jugak* [juga] sikit-sikit. *Kalu kito* [Kalau kita] *tak* [tidak] pandai, *tak leh* [tidak boleh] juga. Mesti nak ajar *dorang* [mereka] *ni* [ini], kita kena pandai juga. Tempo semua tu (kicauan burung) *kan* [mengiyakan] sebab saya dari *dulu* [dahulu] lagi pandai tempo *ni* [ini], dari budak-budak lagi kita [saya] *dah* [sudah] pandai main gambus, biola semua ni.

SH : **Mewarisi bakat dari---?**

PHF : Dari *mok* [emak], *mok* [emak] saya pandai, lagu-lagu Arab semua dia pandai. (kicauan burung)

SH : **Ada tak di antara anak-anak Puan yang menunjukkan minat dalam bidang seni muzik seperti Puan?**

PHF : *Dorang* [mereka] ni [ini] *tak der* [tidak ada] malu semua, suara *sedap* [merdu] saya dengar *tapi* [tetapi] malu nak ni- *dorang tak dok* [mereka tidak ada] kumpulan *kan* [mengiyakan], kita *ni* [ini] *tok* [tak] malu sebab kita *dah* [sudah] ada kumpulan *dak* [kan] (ketawa).

**TAMAT BAHAGIAN B**

**BAHAGIAN C: SUMBANGAN, PENCAPAIAN ATAU ANUGERAH**

SN : **Untuk soalan pertama, khabarnya dulu Puan pernah menjadi fasilitator untuk kursus tahsin anjuran JAKIM [Jabatan Kemajuan Islam Malaysia]. Boleh tak Puan ceritakan sedikit pengalaman menjadi fasilitator tu?**

PHF : Ialah *hok* [yang] JAKIM lantik *tu* [itu], saya hanya jurulatih qari qariah yang *nak* [ingin] masuk musabaqah *ni* [ini] kebangsaan dan antarabangsa. Jadi *kalu* [kalau] ceramah *tu* [itu] saya *tak reti* [tidak pandai] (ketawa).

SN : **Bertindak sebagai fasilitatorlah. Mengenai kursus tahsin tu, apa yang Puan lakukan dalam kursus itu?**

PHF : Kita betulkan bacaan *doranglah* [mereka], kadang kadang *diorang* [mereka] luar negara pun *tak reti* [tidak pandai] juga*kan* [mengiyakan], yang *mari sini tu* [yang datang ke sini] banyak lagi. Kita kena tunjuk macam mana nak keluar suara, macam mana nak bawa lagu hijaz, baiti [seni lagu yang di popularkan oleh qari dan qariah] yang betul nak tobaqah [tingkatan suara] sampai enam harakat *kan* [mengiyakan]. Jadi kita kena *ajar* [mengajar] *tu lah* [yang itu].

SN : **Ajar bagi asas-asas tajwid?**

PHF : Asas tajwid. Tajwid lain, orang lain, biasanya saya ambil lagu, *diorang* [mereka] *ni* [ini] ada pasangan. Saya biasa dengan Ismail Hafiz, dia bahagian

tajwid. Kita *duo-duo gitu* [berdua macam tu] (ketawa). Jadi saya bahagian lagu dia bahagian tajwid. Bila tajwid *tak* [tidak] betul dia tegur, yang lagu saya (kicauan burung).

SN : **Apa perasan Puan ketika tu, ketika dapat menyumbangkan ilmu yang ada pada Puan?**

PHF : Saya suka *la* [tabiat percakapan], saya suka nak bagi *diorang* [mereka] pandai *kan* [mengiyakan]. Kalau boleh nak suruh *diorang* [mereka] *ni* [ini] buat biar baguslah, betul-betul macam mana yang kita nak seperti mengalunkan suara tu *kan* [mengiyakan] jangan sumbang. Kadang-kadang *diorang* [mereka] *ni tak* [ini tidak] kena *letak* [gaya], nak macam mana, tempat mana nak tekan suara, *dia tak* [mereka tidak] tahu *kan* [mengiyakan] *gi* [terus] tekan suara tempat *tak* [tidak] betul *tak* bolehlah, tempat ayat *tu tak* [itu tak] betul kita *tak* boleh tekan situ, jadi kita kena tunjuk *tu* macam turun naik suara, bila suara turun mesti ada naik dan suara pula ada tahap tobaqah-tobaqah [tingkatan suara] tinggi sampai tiga tobaqah naik,turun pun tiga tobaqah jadi kita kena tunjuk tu semua.

SN : **Pada pendapat Puan, Puan melihat peserta-peserta terbabit ada tak yang boleh menjadi perintis atau pewaris Puan sebagai qariah yang berjaya.**

PHF : In sha Allah [Dengan izin Allah] ada.

SN : **Ada?**

PHF : Anak-anak murid saya *ada dah* [sudah ada] , *banyaklah* [ramai] kiranya (bunyi ketukan). Ini yang menjadi wakil Negeri Sembilan [salah sebuah negeri di Malaysia], wakil Kelantan [salah sebuah negeri di Pantai Timur] wakil banyak *dah* [sudah] negeri-negeri itu semua anak murid saya. Di negeri Sembilan pun saya pergi sebulan sekali

SN : **Puan melihat mereka berpotensilah menjadi seorang qariah yang berjaya?**

PHF : In sha Allah, *dorang* [mereka] *ni* [ini] boleh mengajar *dah*. Kebanyakan boleh mengajar (kicauan burung dan bunyi ketukan).

SN : **Pada pendapat Puan, apakah ciri-ciri yang perlu ada pada seorang perintis atau pewaris terbabit untuk menjadi qariah yang bagus dan baik dari segi bacaan?**

PHF : *Tu lah dorang* [Macam mereka] sendiri. Kita sendiri *ni* [ini] kena sentiasa berlatih juga, kena jaga dari segi bacaan kita, kesihatan. Macam mana nak keluar suara kita, kita sendiri *ni* [ini] kena jaga *dulu* [dahulu]. *Pastu* [selepas itu] barulah kita boleh melatih orang lain.

SN : **Khabarnya suatu ketika dahulu Puan pernah menerima jemputan daripada Mufti Palestin untuk memperdengarkan bacaan ayat suci Al-Quran di negara terbabit, boleh tak ceritakan sedikit?**

PHF : Bukan, yang Palestin *tu* [itu] saya *tak* [tidak] pergi sebabnya *dorang* [kerana mereka] datang semasa musabaqah tersebut. Musabahaqah tahun berapa *tak* ingat. Mufti tersebut *wi* [bagi] hadiah *ko* [kepada] saya Al-Quran emas.

SN : **Kiranya Puan tidak memperdengarkan bacaan ayat Al-Quran disana?**

PHF : *Bukan* [tidak], dia dengar di sini. Macam di negara lain, kita kerajaan Malaysia hantar, *gi* [pergi] Mesir, Sudan, Iran, pergi buat persembahan bacaan tu.

SN : **Kiranya Puan pernah melawat negara-negara luar untuk memperdengarkan bacaan?**

PHF : Kita pergi baca di universiti, di radio, di *tv* [televisyen].

SN : **Macam mana Puan melihat sambutan dan penerimaan masyarakat luar terhadap---?**

PHF : Ya, orang sana kagumlah juga dengan orang Malaysia sebab *kito oghe* [kita orang] Malaysia dia *kato* [cakap] kurang fasih bahasa Arab *tapi* [tetapi] bacaan pandai *pada dia* [daripada mereka], bagi wanitalah *dok* [kan]. Orang Arab *ni* [ini] kurang sikit *kan* [mengiyakan].

SN : **Hingga sekarang ni, rekod johan qariah lapan kali yang disandang oleh Puan masih di anggap satu kejayaan kepada semua dan saya percaya tiada siapa lagi yang boleh menggugat kejayaan Puan sebagai qariah yang berjaya. Boleh tak Puan komen mengenai kejayaan Puan?**

PHF : Ialah, sekarang *ni* [ini] sebab kerajaan *tak bagi dahkan* [tidak benarkan lagi] masuk banyak kali sekarang *ni* [ini].

SN : **Kenapa?**

PHF : Ialah macam *dulu-dulu* [dahulu] *tak* [tidak] tahulah macam mana (kicauan burung), sebab ada--- *tapi* [tetapi] ialah bagi *tapi dorang* [tetapi mereka] *tak* [tidak] boleh *naik* [bertanding] sebenarnya sampai tiga kali berturut-turut *takde* [tidak ada] lagi. Kadang-kadang nak masuk tahun depan *tapi* dah *tak* dapat.

SN : **Dia bagi had?**

PHF : Dia kalau peringkat negeri tiga tahun berturut-turut kena berhenti.

SN : **Adakah Puan pernah menerima sebarang anugerah atau pengiktirafan tertinggi sepanjang bergelar qariah?**

PHF : Bintang tu adalah di Kelantan *dulu* [dahulu] ahli Kelantan rasanya, *lepas tu* [selepas itu] ada juga yang di berikan oleh Agong (kicauan burung)

SN : **Daripada kerajaan Kelantan atau Malaysia? Pada tahun berapakah kalau Puan ingat?**

PHF Kelantan *tu* [itu] *dah* [sudah] lama, tahun sembilan belas enam puluh empat [1964] lagi (ketawa)

SN : **Kita semua sedia maklum Puan mempunyai kumpulan nasyid bernama Usratul Faridah dan telah menghasilkan album, boleh Puan ceritakan sedikit mengenai album tersebut iaitu album Salam Usratul Faridah?**

PHF Yalah macam lagu-lagu *tu* kita *ambik* [ambil] daripada lagu-lagu lama *lepas tu* [selepas itu] kita ubahsuai dengan lagu sekarang ni. *Haktu* [yang itu] ada muzik *dorang* [mereka] buatlah.

SN : **Ada tak lagu-lagu dalam album terbabit puan cipta sendiri?**

PHF : Ada juga *buat* [ciptaan] lagu sendiri.

SN : **Idea untuk menghasilkan lagu-lagu tu Puan dapat daripada mana?**

PHF : Ialah daripada kumpulan kita, sebab kumpulan kita *ni* [ini] semua qariah.

SN : **Mereka qariah daripada negeri?**

PHF : Kebanyakan qariah dari negeri kita. Sebenarnya kita banyak qariah cuma *tak naik je* [tidak menonjol] (ketawa)

SN : **Bagaimana sambutan terhadap penghasilan album?**

PHF : Baguslah, Alhamdulillah tapi kita *tidok* [tidak] letak di kedai.

SN : **Kenapa?**

PHF : Di kedai tu ada, tapi *hok ore wat* [tapi orang buat] cetak rompak.

SN : **Masalah?**

PHF : *Tu lah banyaknya* [Kebanyakannya macam itu] Quran pun saya dah tak buat. Sebenarnya kita hanya bawa semasa membuat persembahan, tetapi *dorang kata* [mereka cakap] di kedai pun ada orang jual, di Kuala Lumpur ada. Jadi

kita tidak tambahlah, kita *pakai* [guna] yang *buat tu jer* [sedia ada].

SN : **Buat terhad je la?**

PHF : Ya buat terhad *je* [sahaja].

SN : **Adakah Puan melihat penghasilan album Salam Usratul Faridah merupakan sesuatu yang positif dalam menerapkan asas tajwid [memberi maksud memperelokkan atau mencantikkan sesuatu] kepada masyarakat? Dengan album tersebut, adakah masyarakat dapat mempelajari asas tajwid?**

PHF : Kalau *lagu tu* [macam itu] *tak* [tidak] boleh, *dio tu* [itu] untuk *kito* [kita] melembutkan suara (ketawa), untuk minat kepada lagu-lagu Arab. Al-Quran ni lain (kicauan burung), kita tak boleh cakap ini lagu Hijaz [seni lagu Al-Quran yang di popularkan oleh qari dan qariah daripada kawasan sekitar Mekah dan Madinah]. Sangat popular sebagai suatu cabang pelopor tarannum dahulu], lagu Hijaz ada juga album dalam Hijaz *kan* tapi kita nak letak dalam Quran *tok* [tidak] boleh sebab *dia* [ia] lain.

SN : **Maksudnya di sini, kalau kita nak berhibur boleh asalkan kena pada tempatnya?**

PHF : Ya berhibur boleh.

SN : **Asalkan kena pada tempatnya?**

PHF : Ya.

SN : **Pernah tak terlintas di fikiran, Puan akan berjaya sehingga berada di tahap ini bergelar seorang qariah yang menang sebanyak lapan kali?**

PHF : (kicauan burung) *Tak* [tidak] saya takda [tiada] cita-cita tapi terjadi dengan sendirinya.

SN : **Puan merupakan tenaga pengajar bagi kelas pengajian Al-Quran, boleh Puan ceritakan sedikit kelas terbabit dari segi pengajaran?**

PHF : Sekarang ini saya mengajar untuk banyak peringkat. Peringkat yang pertama mengajar tajwid [memberi maksud memperelokkan atau mencantikkan sesuatu] untuk orang tua atau dewasa untuk betulkan bacaan, biar kenal Al-Quran *ni* [ini] *kan* [mengiyakan] (kicauan burung). *Lepas tu* [selepas itu ] *bila dah* [apabila sudah] kenal Al-Quran, betul sebutan, *siapa siapa* [sesiapa] yang ada suara boleh buat tarannum, yang ada suara *je lah* [sahaja]. Yang *tak dok* [tiada] suara *tapi tak* [tetapi tidak] boleh naik tinggi payah juga kan.Dah ada nafas, suara dah boleh buat tinggi boleh lah masuk tarannum. Kelas taranum pun ada hari Isnin untuk Tarannum orang pandai. *Lepas tu* [selepas itu ] hari Selasa petang untuk *hok* [yang] baru nak belajar ,kelas A,B,C *la* saya buat *gitulah* [macam itu] ,ada peringkat-peringkat (kicauan burung)

SN : **Kelas Puan ni bercampur ke lelaki perempuan?**

PHF : *Tak* [tidak], takde [tiada] perempuan *saje* [sahaja]

SN : **Umur mereka dalam lingkungan berapa tahun?**

PHF : Dua puluh tahun [20] tahun keatas *lah* [tabiat percakapan] ,yang budak sekolah ni lain *pulak* [pula] (kicauan burung)

SN : **Kiranya dalam pelajar-pelajar Puan boleh tengoklah siapa yang mempunyai potensi yang besar sebagai qari dan qariah?**

PHF : Ialah kita *tahu selalu doh* [sentiasa tahu] bakat *diorang tu* [mereka itu] (kicauan burung)

SN : **Adakah semangat mereka untuk belajar itu ada?**

PHF : *Diorang* [mereka] semangat belajar, semua minatlah taranum [suatu ilmu atau kaedah suara yang dipelbagaikan mengikut proses nada, rentak dan irama tertentu] ini.

SN : **Adakah Puan setuju *kalu* [kalau] kita katakan Majlis Tilawah Al-Quran dapat menilai kemampuan diri selain menimba pengalaman daripada setiap peserta yang bertanding, kiranya tilawah Al-Quran dapat kita jadikan sebagai satu untuk menimba pengalaman?**

PHF : Ialah apabila kita masuk musabaqah [pertandingan membaca al-Quran] kita tahu apa kekurangan kita *kan* [mengiyakan], *dia* [kekurangan] dari segi apa tajwid ke, fasahah [sebutan] ke, kalau fasahah [sebutan] *diorang ni* [mereka ini] Al-Quran tak baca mana *kan* [mengiyakan], tak fasih mana baca Quran ,bila nak dekat bertanding barulah ambil Quran baca, *tidak kata hari-hari buat* [tidak dijadikan] amalan, kita kena hari-hari kan [mengiyakan].

SN : **Kena usaha sendiri?**

PHF : Kena usaha, Al-Quran *ni* [ini] biar khatam berapa kali setahun. Itu baru betul-betul nak jadi *tu lah* [tabiat percakapan] nak jadi qariah nak mengajar lah, kita *dulu* [dahulu] kena fasih.

SN : **Setiap peserta ni, dia semestinya mempunyai misi setiap kali dia masuk majlis Tilawah Al-Quran ni, kalau kita tengok sesetengah peserta tu dia nak kejar kejayaan semata-mata. Apa pendapat Puan sesetengah peserta yang nak kejar kejayaan semata-mata?**

PHF : Kejayaan nak jadi johan ni kan (ketawa)

SN : **Sesetengah peserta yang nak kejar populariti, pendapat Puan adakah satu perkembangan yang positif?**

PHF : Dia sebenarnya *tak* [tidak] payah kejar *hak* [yang] *tu* [itu] kan, kalau kita dah cantik bacaan kan. Orang lain menilai sendirikan kita tak payah angkat diri sendiri kan.Kalau kita angkat diri sendiri ,susah juga ,dia dah tahu dah nak panggil dia ni dia baca al-quran betul,nak jemput .Dia dah tahu menilai tahap bacaan kita tu dan ada juga lagutu yang nak cari orang panggil *serupo saknilah* [macam tadi] kan. Nak popular dengan nama dan anugerah yang dia dapat.*Tak elok lagutu* [ tak baik macam tu], nak cari *ikut lain* [jalan lain] pun bolehkan?

SN : **Kiranya kita kena buat kerja tu dengan ikhlaslah?**

PHF : Ikhlaslah, mengajar *pon* [pun] ikhlas, *kalu*[kalau] anak murid kita *tak* [tidak] boleh lagi, jangan kata dia *ni* [ini] dapat *dak* [ya], kita kena cakap dia *ni* [ini] kurang sini kurang sini, kita kena ajar betul-betul dapat *lah* [tabiat percakapan].

**TAMAT BAHAGIAN C**

**BAHAGIAN D: HARAPAN DAN PENDAPAT**

